

Polis hentikan tiga ceramah pembangkang
Malaysiakini.com
Apr 24, 2007
Beh Lih Yi

Polis bertindak menghentikan tiga ceramah Parti Keadilan Rakyat (PKR) di Ijok malam tadi kerana mendakwa ianya diadakan tanpa kebenaran.

Dalam insiden pertama, anggota polis, termasuk dari Unit Simpanan Persekutuan (FRU) mengadakan sekatan di sebatang jalan ke lokasi ceramah PKR di Taman Pancaran, Bestari Selatan.

Ceramah tersebut diadakan di kediaman seorang ahli PKR kira-kira jam 9.30 malam dan antara yang dijadual berucap termasuk penasihat parti itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Bagaimanapun, polis mengadakan sekatan seawal jam 8 malam.

Selain itu, anggota polis, termasuk dari unit FRU, turut ditempatkan di lokasi tersebut.

Kira-kira 50 meter dari situ, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sedang berucap kepada kira-kira 200 orang di majlis ceramah BN.

Kira-kira jam 9.45 malam, pihak penganjur ceramah PKR memaklum kepada kira-kira 40 hadirin di situ bahawa ceramah tersebut telah dibatalkan.

Berikutan itu, Ketua Polis Daerah Kuala Selangor Supt Ibrahim Chin (foto) memberitahu pihak penganjur supaya meminta hadirin bersurai segera atau diambil tindakan mengikut Akta Polis kerana mengadakan perhimpunan tanpa kebenaran.

Sewaktu hadirin bersurai, para penyokong Pemuda Umno berhampiran bersorak dan bertepuk tangan. Mereka juga menyanyikan lagu patriotik 'Barisan Kita' serta melaungkan 'Hidup BN' dan 'Sedia Gempur'.

Menurut Ibrahim, BN mempunyai permit untuk mengadakan ceramah di situ.

"Jika mereka (PKR) memohon permit polis (untuk mengadakan ceramah pada masa yang lain), saya boleh menimbanginya. Jika (keadaannya) sesuai, kita akan isukan permit, jika tidak, tidak boleh," katanya.

Bagaimanapun, Ibrahim enggan mengulas sama ada polis bertindak menghentikan ceramah PKR kerana Najib turut berceramah di kawasan yang sama.

'Dwi-standard'

Polis juga menghentikan dua lagi ceramah PKR di Batang Berjuntai dan Sungai Darah, kerana Najib akan menghadiri majlis anjuran BN di tempat yang sama.

Di Batang Berjuntai, polis tiba ketika Timbalan Presiden PKR, Dr Syed Husin Ali sedang memberi ceramah. Anwar telah berucap 15 minit lebih awal.

Tiga lagi ceramah PKR, yang tidak mendapat permit polis, berjalan seperti yang dijadualkan.

Penduduk tempatan menyuarakan rasa tidak puashati terhadap tindakan polis itu dan sesetengahnya mengejek sewaktu trak polis lalu di situ.

"Saya tidak tahu mengapa pihak polis berbuat demikian jika mereka mahu bersikap adil. Kami hanya mahu mendengar apa mereka (pemimpin pembangkang) hendak cakap. BN akan hilang sokongan (jika mereka melakukan perkara seumpama itu)," kata juruelektik A Balakrishnan, 39 tahun.

"Penduduk takut kerana mereka tidak biasa dengan suasana seumpama ini," tambah penduduk Batang Berjantai itu.

Pekerja estet, Tioh Jioo Hin, 24, (foto) yang datang untuk mendengar ceramah bersama bapanya, mendakwa pihak berkuasa mengamalkan dwi-standard.

Sambil menuding jari ke arah ceramah BN dekat situ, dia berkata: "Lihat, mereka meletak kerusi merata tempat hingga orang susah nak lalu [...] tetapi kita di sini satu kerusi pun tak ada (di ceramah PKR) dan masih kena halau."

Para pemimpin PKR, termasuk calonnya Khalid juga tidak berpuashati dengan apa yang berlaku.

Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) Kamarulzaman Mohd berkata, Akta Kesalahan Pilihanraya dengan jelas menyebut mengenai perlunya mendapatkan permit polis untuk mengadakan ceramah dalam tempoh berkempen.

"Undang-undangnya jelas, anda perlu mendapatkan permit polis. Tidak kira sama ada BN atau PAS, mereka terikat dengan undang-undang yang sama," katanya ketika dihubungi hari ini.

Permit segera?

Bagaimanapun, pemimpin PKR yang juga seorang peguam Latheefa Koya berkata, Akta Kesalahan Pilihanraya tidak menyebut sebarang peraturan seumpama itu dan perkara itu terletak di bawah Akta Polis.

"Bagaimanapun, adalah sukar untuk kedua-dua parti mematuhi prosedur biasa (di bawah Akta Polis) bagi mendapatkan permit polis kerana ia akan menjejaskan kempen pilihanraya kita.

"Jika kita hanya ada sembilan hari untuk berkempen, jadi bagaimana kita hendak mematuhi syarat menghantar notis 14 hari lebih awal ketika membuat permohonan?"

"Jadi, kami ingin tahu bagaimana BN mendapatkan permit mereka? Apakah wujud 'permit segera'?" katanya sambil berkata, menurut amalan biasa, parti-parti politik memaklumkan terlebih dahulu kepada pihak polis mengenai aktiviti kempen mereka.

Latheefa juga mendakwa beliau telah diberitahu oleh ketua polis Kuala Selangor bahawa ceramah PKR dibatalkan kerana lokasinya terlalu hampir dengan majlis yang dihadiri oleh Najib.